



KERAJAAN MALAYSIA

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

GARIS PANDUAN DAN STRATEGI PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan Fasa 3 ePerolehan telah dilaksanakan pada pertengahan Jun 2002 dan akan merangkumi semua agensi Kerajaan Pesekutuan kelak. Fasa ini merangkumi semua modul sistem ePerolehan iaitu Perolehan Barangan/Perkhidmatan secara Kontrak Pusat, Pembelian Terus, Sebut harga dan Tender.

2. Bagi melaksanakan sistem ePerolehan ini, semua agensi dikehendaki menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan berkaitan dengan rangkaian, perkakasan dan perisian komputer. Arahan yang dikeluarkan melalui SPP Bil. 5 dan SPP Bil. 7 Tahun 2001 hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Semua agensi yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Strategi Pelaksanaan ePerolehan seperti di Lampiran A.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DR. SAMUDIN BIN HITAM)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

18 Julai 2002

s.k.

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia

KEMENTERIAN KEWANGAN
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRECINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-88823883
: 03-88823333
Fax : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242

Rujukan : S/K.KEW/PK/EP/1100/000000/143/23 Jld.3(7)
Tarikh :3 Disember 2002

Semua Pembekal

Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah membuat keputusan supaya semua urusan perolehan Kerajaan sama ada secara pembelian terus, sebut harga atau tender hendaklah melalui sistem ePerolehan. Sehubungan itu, semua pembekal hendaklah menyediakan infrastruktur dan menjalani latihan penggunaan sistem ePerolehan. Pembekal yang tidak menyediakan infrastruktur yang diperlukan akan kehilangan peluang berurusan dengan Kerajaan.

2 Untuk mendapatkan khidmat bantuan dan kemudahan ePerolehan tuan/puan bolehlah menghubungi:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.,

Blok Enggang, Kompleks Pejabat dan Villa

Cyberview Gardens

63000 Cyberjaya,

SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon :03-8312252

Faks : 03-83122666

E-mail :bantuan@eperolehan.com.my

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DR. SAMSUDIN BIN HITAM)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

KEMENTERIAN KEWANGAN

(Ministry of Finance Malaysia)

KOMPLEKS KEMENTERIAN

KEWANGAN

PRECINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN

PERSEKUTUAN

62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 xxxx

Cabel : TREASURY xxxxxx

Telex : FEDTRY M xxxxxx

Fax :

Web : <http://www.treasury.gov.my>

Rujukan :

Tarikh : 23 September 2003

Lihat Edaran

Y.Bhg. Datuk/Datin/Dato'/Tuan/Puan,

Bayaran Kenaan Transaksi (Transaction Fee) Dalam Sistem ePerolehan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Kementerian Kewangan telah mengikat kontrak dengan Commerce Dot Com Sdn. Bhd.(CDCSB) bagi membangun dan mengendalikan sistem ePerolehan secara Build, Operate and Transfer (BOT). Selaras dengan kontrak ini, bagi membolehkan CDCSB menampung kos yang ditanggung, adalah ditetapkan bahawa setiap traksaksi yang diuruskan melalui aplikasi eP akan dikenakan kenaaan sebanyak 0.8% ke atas nilai setiap transaksi yang disempurnakan, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM9600.00. Kenaan traksaksi eP ini adalah ditanggung oleh pihak pembekal dan amaunnya dipotong daripada nilai setiap transaksi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).
3. Pada masa kini masih terdapat PTJ tidak membuat bayaran kenaaan transaksi untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui sistem ePerolehan untuk Pembelian Terus secara offline, iaitu pembelian yang dibuat kepada pembekal yang belum berdaftar dengan ePerolehan tidak mempunyai katalog barang/perkhidmatan di dalam ePerolehan serta belum mempunyai komputer untuk mengendalikan ePerolehan. Keadaan ini tidak teratur kerana semua pembelian melalui ePerolehan secara offline atau online hendaklah dikenakan potongan 0.8%. Bagi memudahkan pengguna, sistem ePerolehan telah diubahsuai supaya potongan 0.8% dan perkiraan nilainya dibuat secara elektronik. Sehubungan dengan itu mulai 6 Ogos 2003, perkara ini telah dikuatkuasakan di dalam sistem ePerolehan. Ini bererti sistem akan membuat potongan 0.8% secara automatik dan tiada lagi perlu dilakukan sendiri oleh pengguna eP di PTJ.
4. Walau bagaimanapun, semua Pesanan Kerajaan yang telah dikeluarkan oleh PTJ melalui Pembelian Terus Secara offline sebelum daripada tarikh ini, tidak perlu diproses semula untuk dikenakan potongan 0.8%. Ini adalah bagi mengelakkan kekeliruan dan kerja bertindan di pihak PTJ.
5. Sehubungan itu, kerjasama daripada Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan kepada semua PTJ yang telah diperbolehkan dengan sistem ePerolehan bahawa semua pembekal ini tidak terkecuali dan perlu dibuat kenaaan 0.8% ke atas nilai setiap pesanan yang disempurnakan melalui sistem ePerolehan. Potongan kenaaan transaksi ePerolehan diakaunkan dalam akaun amanah kod 75537. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat daripada Jabatan Akauntan Negara bil. ANM (EG) 203/Jld. 2/(13) bertarikh 12 Disember 2002 untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ABDUL MAJID BIN HAJI HUSSEIN)

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi)

b/p Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.

Ketua Pegawai Operasi

Commercedc Dot Com Sdn Bhd

Enggang Block

Villa & Office Complex

Cyberview Gardens

63000 Cyberjaya

TSBK (M)

Akauntan Negara Malaysia

Jabatan Akauntan Negara

Aras 1-8, Blok 2G1A

Kompleks Kementerian Kewangan

Precint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 Putrajaya

Ketua Audit Negara

Jabatan Audit Negara

Aras9, Blok D2, Parcel D

Kompleks Jabatan Perdana Menteri

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya